



Semua unit rumah PPAM adalah bersubsidi dan akan dikenakan moratorium 10 tahun.

(Foto hiasan)

Pesara, kakitangan lantikan kontrak layak mohon PPAM

Permohonan turut terbuka kepada semua penjawat awam sedang berkhidmat

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pesara kerajaan yang memiliki kad pesara, anak pesara dan penjawat awam melalui lantikan kontrak kini layak memohon Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM).

Jabatan Perdana Menteri da-



lam satu kenyataan memaklumkan, permohonan PPAM juga terbuka kepada semua penjawat awam yang sedang berkhidmat membabitkan Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkualiti Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan dan Badan Berkanun Negeri.

Katanya, kelayakan permohonan bagi PPAM adalah untuk warganegara Malaysia yang terbuka kepada semua penjawat

awam melalui lantikan tetap.

Rumah PPAM bersubsidi

“Kelayakan permohonan membabitkan penjawat awam yang sudah bersara dan memiliki kad pesara, penjawat awam melalui lantikan tetap dan kontrak termasuk anak pesara kerajaan yang mana semua boleh memohon lebih daripada satu projek,” menurut kenyataan itu, semalam.

Semua unit rumah PPAM adalah bersubsidi dan akan dikenakan moratorium selama 10 tahun.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas, penjawat awam boleh menghantar e-mel kepada bantuan.ppam@jpm.gov.my atau layari www.ppam.gov.my.